

Bumiputera perlu tonjol kebolehan tingkat daya saing ekonomi

"Saya yakin dengan Dr Mahathir kerana beliau sebelum ini memang dikenali sebagai seseorang yang mementingkan kebolehan daripada kenalan dalam menawarkan kontrak.

Ini yang kita harapkan dari kerajaan baharu agar kita dinilai dari segi kebolehan masing-masing, bukan lagi kerana kenal pemimpin tertentu," katanya.

Keupayaan kontraktor Bumiputera yang memang banyak menunjukkan peningkatan dan kebolehan mereka menyiapkan kontrak pada kos, mutu dan jangka ditetapkan sudah diakui, namun Mokhtar berpendapat mereka masih memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar.

"Pegauditan harus dilakukan ketika pelaksanaan kontrak. Sekiranya ada yang menghadapi masalah, mereka perlu dibimbing agar dapat menyiapkannya. Kita tidak mahu hubungan kita dengan kerajaan seperti tukul dan paku.

"Apabila sesuatu tak kena, diketuknya kita sehingga bengkok. Apa yang kita mahu ialah seperti *nut and bolt*, hubungan yang saling mengukuhkan," katanya lagi.

Bertemakan 'Mendepani Cabaran Bumiputera dalam Malaysia Baharu,' kongres itu memberi penekanan kepada enam bidang fokus utama merangkumi Nilai,

pu bersama di alam pekerjaan, terutama dalam persekitaran MNC.

"Mereka terlalu cepat mengalah apabila berdepan cabaran. Ini yang kita berusaha untuk mengubah di UiTM. Kita yakin apabila ramai graduan Bumiputera berani menonjolkan bakat, MNC sekali pun tidak mahu terlepas peluang untuk mendapatkan khidmat mereka," katanya.

UiTM yang pengambilan pelajarannya dikhususkan untuk Bumiputera, sudah membuah hasil dalam usahanya untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan-nya.

Pada masa ini, 84 peratus daripada graduan institut pengajian tinggi itu mampu mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian, termasuk kira-kira 10 peratus yang mewujudkan kerja sendiri.

UiTM mahu meningkatkan lagi pencapaian itu pada kadar dua peratus tambahan setiap tahun, dengan melahirkan graduan dalam bidang yang bersesuaian dengan keperluan semasa industri.

Walaupun harus diakui pencapaian kaum Bumiputera dalam pendidikan dan pekerjaan sudah banyak ditingkatkan sejak 1970, terutama menerusi Dasar Ekonomi Baharu, masih ada sudut kritikal ekonomi yang harus diberi

Hari ini, sekali lagi satu kongres membincangkan soal nasib Bumiputera akan diadakan. Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang akan menyampaikan ucapan serta berdialog dengan peserta.

Sudah semesti penggunaan istilah kongres untuk perhimpunan sehari itu menarik perhatian bilangan besar orang Melayu kerana ia mengimbuai kenangan bersejarah kongres Melayu sebelum ini yang banyak membentuk dasar untuk meningkatkan tahap sosioekonomi Bumiputera.

Soal paling banyak bermain dalam fikiran ramai ialah apakah hala tuju kerajaan Pakatan Harapan (PH) dalam usaha terbaru untuk mengubah nasib orang Melayu. Rata-rata mahu menyaksikan perubahan daripada apa yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Datuk Seri Najib Razak sebelum ini.

Bagi sebahagian yang ditemu-ramah oleh penulis, rancangan kerajaan Najib nampak cantik di atas kertas, tetapi kerap pelaksanaannya menggagalkan niat yang

ingin dicapai.

Misalnya, kata seorang kontraktor Melayu yang tidak mahu namanya disiarkan, inisiatif *carve-out and compete* bagi meningkatkan peningkatan Bumiputera dalam projek mega, amat menghampakan dari segi pelaksanaannya.

“Sering syarat yang ditetapkan oleh agensi pelaksana kontrak mega ini terlalu rumit untuk dipenuhi kebanyakan kontraktor Bumiputera. Apakah sengaja mereka berbuat demikian untuk hanya memanfaatkan segelintir kontraktor pilihan?”

Nilai kebolehan

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Mokhtar Samad yang mengakui banyak mendengar rungutan sedemikian, menyokong dasar mewujudkan persaingan terkawal dalam kalangan peniaga Bumiputera untuk merebut setiap kontrak kerajaan.

“Kami menyokong dasar tender terbuka terkawal dalam kalangan pengusaha Bumiputera untuk sebahagian kontrak yang ditawarkan. Apa yang kami tidak mahu lihat ialah penipuan berlaku dalam pemberian tender itu.

Moral dan Etika, Pendidikan dan Modal Insan, Penciptaan dan Pemilikan Kekayaan, Perniagaan dan Keusahawanan serta Tindakan Afirmatif dan Pembentukan Strategi/Hala Tuju.

Peranan UiTM

Apabila membincangkan usaha meningkatkan tahap sosioekonomi Bumiputera, nama Universiti Teknologi MARA (UiTM) tak leka di bibir.

Universiti berkenaan yang ditubuhkan sebagai Institut Teknologi MARA (ITM) pada 1967, memang sudah banyak menyumbangkan kepada usaha melipatgandakan jumlah graduan Bumiputera yang terlatih dan berkelayakan.

Namun bagi Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Hasan Said, beliau masih belum mahu berpuas hati, sebaliknya mengakui masih wujud persepsi ‘tak boleh buat kerja’, terutama dalam kalangan majikan swasta dan syarikat multinasional (MNC) terhadap graduan Melayu secara amnya.

“Pada pandangan saya, ia bukan mengenai soal penguasaan bahasa Inggeris yang lemah, tetapi berhubung sikap. Kita mendapati masih ada dalam kalangan graduan Bumiputera tidak mam-

puan.

Pemilikan kekayaan

Seperti didedahkan baru-baru ini oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pendapatan purata isi rumah Bumiputera masih rendah berbanding bukan Bumiputera, iaitu RM6,267 berbanding RM8,213 pada data 2016. Dari segi pemilikan kekayaan (*wealth ownership*), jurang perbezaannya agak lebih ketara.

Dedah Azmin lagi, transaksi pemilikan kediaman dalam pasaran primer oleh Bumiputera berbanding bukan Bumiputera pada tempoh sama adalah 38.8 peratus (RM5.63 bilion), berbanding 56.7 peratus (RM8.23 bilion).

“Bagi pemilikan komersial, peratus transaksi Bumiputera hanya 9.8 peratus (RM21 juta) berbanding bukan Bumiputera, iaitu 46 peratus (RM1.01 bilion),” katanya.

Ini belum dilihat dari segi aset kewangan. Menurut data pada 2009, tahap pemilikan kekayaan (aset kewangan dan hartanah) Bumiputera paling rendah berbanding kaum lain.



Walaupun harus diakui pencapaian kaum Bumiputera dalam pendidikan dan pekerjaan sudah banyak ditingkatkan sejak 1970, terutama menerusi Dasar Ekonomi Baharu, masih ada sudut kritikal ekonomi yang harus diberi tumpuan”